

DATE: **25 APRIL 2016 (MONDAY)**

MEDIA: **BERNAMA ONLINE – PESAKIT TIBI PERLU JALANI RAWATAN SEHINGGA SELESAI, ELAK PENULARAN PENYAKIT**

Retrieved from: <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/newsgeneral.php?id=1238944>



## **Pesakit Tibi Perlu Jalani Rawatan Sehingga Selesai, Elak Penularan Penyakit**

JEMPOL, 25 April (Bernama) -- Pesakit yang didiagnos menghidapi penyakit tibi wajib menghabiskan jadual rawatan mengikut tempoh yang diberikan bagi mengelakkan penularan penyakit itu dalam kalangan masyarakat.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan Dr Zainudin Mohd Ali berkata ini kerana pembiakan bakteria dalam darah pesakit perlahan dan bakteria ini tidak akan mati melalui rawatan dalam tempoh hanya sebulan dua.

"Selain kita tekankan untuk membuat saringan awal, kita juga mahu pesakit tibi menghabiskan rawatan mereka mengikut jenis-jenis tibi yang dihidapi sama ada tibi paru-paru, kulit, tulang dan kelenjar.

"Mereka perlu teruskan rawatan tanpa putus... selalunya bila mereka rasa sihat selepas makan ubat tidak lagi batuk dan sebagainya, mereka mula hentikan rawatan dan tidak lagi mengambil ubat sedangkan tempoh rawatan sekurang-kurangnya enam bulan sehingga 18 bulan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Negeri Sembilan 2016, di sini Isnin.

Berdasarkan rekod, Malaysia mencatatkan jumlah kes tibi berdaftar sebanyak 24,220 kes pada tahun lepas dengan 667 kes direkodkan di Negeri Sembilan.

Zainudin berkata trend peningkatan kes tibi di Negeri Sembilan sejak 2011, perlu diberikan perhatian dan jika seseorang itu mengesan simptom-simptom awal antaranya batuk berpanjangan melebihi dua minggu, demam, berpeluh waktu malam, batuk berdarah dan kurang selera makan perlu tampil ke klinik kesihatan atau hospital bagi pemeriksaan kesihatan termasuk ujian saringan penyakit tibi.

"Dalam usaha meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai penyakit ini, kita jalankan kempen di peringkat sekolah lagi manakala bagi ujian saringan kita gandakan di setiap daerah termasuk x-ray yang mana ia juga kini boleh dilakukan di klinik swasta.

Tujuan kita gandakan ujian saringan sebab kita tidak mahu mereka yang ada penyakit ini masih berada dalam kalangan masyarakat tanpa sebarang rawatan. Selain itu, untuk semua kes kencing manis yang ada di klinik-klinik kesihatan kita saring mereka khususnya mereka yang berumur 40 ke atas kerana risiko lebih tinggi," katanya.

Stigma negatif masyarakat terhadap pesakit tibi sehingga menyebabkan golongan ini tersisih harus diperbetulkan, katanya.

"Penyakit ini bukan seperti HIV, ia boleh dirawat dan pesakit boleh pulih sekiranya mendapat rawatan sewajarnya. Ada juga orang malu untuk tampil kerana beranggapan penyakit ini adalah penyakit orang miskin yang tinggal di setinggan dan sebagainya.

"Sedangkan hakikatnya ia menular melalui pernafasan dan mudah berjangkit jadi di kawasan bandar juga boleh kena," katanya.

Sementara itu, Pegawai Kesihatan Daerah Jempol Dr Ariza Zainudin berkata berdasarkan rekod, daripada 667 kes yang didaftarkan di Negeri Sembilan, 26 kes melibatkan pesakit berumur 17 tahun ke bawah.

"Daripada jumlah kes sebanyak 667 kes, daerah Jempol menyumbangkan sebanyak 13 peratus atau 87 kes. Jumlah kes dijangka meningkat jika masyarakat tidak ambil peduli tentang langkah pencegahan dan rawatan awal penyakit tibi," katanya.

DATE: **25 APRIL 2016 (MONDAY)**

MEDIA: **SINAR ONLINE – KES TIBI DI N9 SEJAK 2011**

Retrieved from: <http://www.sinarharian.com.my/edisi/melaka-ns/kes-tibi-di-n9-sejak-2011-1.513369>

TELUS & TULUS  
**Sinar**  
ONLINE

DAPATKAN EDISI SINAR DIGITAL.  
HANYA RM30 SEBULAN.

LANGGANI SEKARANG



ENGLISH Nasional Politik Edisi Semasa Bisnes Global Hiburan Sukan Kol

VIRAL FAKTA AUTA CIKGU CIKGI KAMPUS TURBO REHAL ULTRAS WOW MAK

**BESTARI** *Jom Dapatkan Buku-buku Terbitan Sulung Bestari Karangkrif*  
Diskaun **20%** pembelajaran lebih efektif dengan buku-buku terbitan bestari karangkrif **DAPATKAN SEGERA**

## Kes tibi di N9 sejak 2011

25 APRIL 2016



JEMPOL - Pesakit yang didiagnos menghadapi penyakit tibi wajib menghabiskan jadual rawatan mengikut tempoh yang diberikan bagi mengelakkan penularan penyakit itu dalam kalangan masyarakat.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan Dr Zainudin Mohd Ali berkata ini kerana pembiakan bakteria dalam darah pesakit perlahan dan bakteria ini tidak akan mati melalui rawatan dalam tempoh hanya sebulan dua.

"Selain kita tekankan untuk membuat saringan awal, kita juga mahu pesakit tibi menghabiskan rawatan mereka mengikut jenis-jenis tibi yang dihadapi sama ada tibi paru-paru, kulit, tulang dan kelenjar.

"Mereka perlu teruskan rawatan tanpa putus... selalunya bila mereka rasa sihat selepas makan ubat tidak lagi batuk dan sebagainya, mereka mula hentikan rawatan dan tidak lagi mengambil ubat sedangkan tempoh rawatan sekurang-kurangnya enam bulan sehingga 18 bulan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Tibi Sedunia Peringkat Negeri Sembilan 2016, di sini hari ini.

Berdasarkan rekod, Malaysia mencatatkan jumlah kes tibi berdaftar sebanyak 24,220 kes pada tahun lepas dengan 667 kes direkodkan di Negeri Sembilan.

Zainudin berkata trend peningkatan kes tibi di Negeri Sembilan sejak 2011, perlu diberikan perhatian dan jika seseorang itu mengesan simptom-simptom awal antaranya batuk berpanjangan melebihi dua minggu, demam, berpeluh waktu malam, batuk berdarah dan kurang selera makan perlu tampil ke klinik kesihatan atau hospital bagi pemeriksaan kesihatan termasuk ujian saringan penyakit tibi.

"Dalam usaha meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai penyakit ini, kita jalankan kempen di peringkat sekolah lagi manakala bagi ujian saringan kita gandakan di setiap daerah termasuk x-ray yang mana ia juga kini boleh dilakukan di klinik swasta.

Tujuan kita gandakan ujian saringan sebab kita tidak mahu mereka yang ada penyakit ini masih berada dalam kalangan masyarakat tanpa sebarang rawatan.

Selain itu, untuk semua kes kencing manis yang ada di klinik-klinik kesihatan kita saring mereka khususnya mereka yang berumur 40 ke atas kerana risiko lebih tinggi," katanya.

Stigma negatif masyarakat terhadap pesakit tibi sehingga menyebabkan golongan ini tersisih harus diperbetulkan, katanya.

"Penyakit ini bukan seperti HIV, ia boleh dirawat dan pesakit boleh pulih sekiranya mendapat rawatan sewajarnya. Ada juga orang malu untuk tampil kerana beranggapan penyakit ini adalah penyakit orang miskin yang tinggal di setinggan dan sebagainya.

"Sedangkan hakikatnya ia menular melalui pernafasan dan mudah berjangkit jadi di kawasan bandar juga boleh kena," katanya. - Bemama